



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI

NAMA: ERICA DESIRAE MAURITIUS

NO. MATRIK: A20EC0032

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ANA HAZIQAH A RASHID

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/20
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/5
TOTAL	/30

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI


Di dalam penulisan ini, pelajar haruslah mempamerkan keaslian penulisan dengan menghuraikan refleksi mereka hasil daripada pembelajaran bagi subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’.

Pelajar perlu menjelaskan serta membincangkan refleksi mereka daripada aspek berikut:

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)
- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**
- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**
- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**
- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**
- vi. Apakah **perasaan anda** setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (Sebagai kesimpulan diakhir refleksi)

REFLEKSI BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral dan nilai-nilai murni yang saya pelajari daripada bab 1 dalam subjek ini ialah nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai bersopan-santun dan nilai keadilan. Selain itu, kualiti yang telah saya pelajari ialah mempunyai kesedaran diri dengan mempunyai kemampuan untuk membezakan perkara baik atau buruk. Selain itu, kemahiran yang telah pelajari ialah kemahiran pengawalan tingkah laku apabila berurusan dengan pihak lain. Sebagai contoh, saya hanya akan bertindak selepas mengetahui bukti yang sebenar.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama ialah berdasarkan Socrates, beliau telah menegaskan bahawa tentang konsep keadilan di mana manusia yang adil adalah lebih bahagia berbanding manusia yang tidak adil. Dengan ini, saya telah mendapat pengetahuan bahawa kita harus bersikap adil dengan melayani semua orang sama tanpa mengira kaum dan agama.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Jawapan: Cara subjek ini membantu saya dalam menjadi seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat adalah untuk sentiasa berbuat baik antara satu sama lain demi mewujudkan suasana yang aman damai. Selain itu, subjek ini telah menyeru masyarakat untuk menerapkan nilai kebaikan diri dalam diri mereka tanpa mengira kaum dan agama. Seterusnya, dalam perspektif etika sejagat, yang menerangkan etika yang diterima dan diamalkan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, etika yang tidak dianggap berbahaya, melarang penggunaan kekerasan atau menghalang keganasan.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Jawapan: Bab 1 dalam subjek ini telah memberi kesan kepada saya dari sudut intelektual serta psikologi. Antara kesannya termasuklah saya dapat mempunyai pemikiran yang matang serta dapat membezakan perkara buruk atau baik. Selain itu, saya dapat membuat keputusan berdasarkan logik.

REFLEKSI BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah kita haruslah berfikir tentang kesan baik atau buruk sebelum melakukan sesuatu perkara. Moral yang saya pelajari ialah kita haruslah menerapkan teori-teori etika dalam kehidupan sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Selain itu, nilai-nilai murni yang saya pelajari ialah nilai keadilan, nilai rasional, nilai bertanggungjawab. Kualiti yang saya pelajari ialah tidak mementingkan diri sendiri di mana saya mempelajari bahawa kita haruslah melakukan sesuatu yang memberikan impak positif kepada orang lain. Seterusnya, kemahiran yang saya mempelajari ialah mempunyai sikap bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu kewajipan.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Bab ini telah memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama seperti mencari titik persamaan dalam kepelbagaian kaum, agama dan kepercayaan serta menerapkan hak asasi manusia dalam kehidupan.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Jawapan: Cara subjek ini membantu dalam menjadikan saya warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam masyarakat ialah berdasarkan aliran 'Utilitarianisme', aliran ini telah mengajar bahawa kita harus memikir tentang kebahagiaan orang lain dan bukan diri kita sendiri.


- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi kepada saya oleh bab ini ialah saya pandai berfikir tentang kebahagiaan orang lain. Selain itu, saya pandai menilai kesan baik atau buruk sebelum melakukan sesuatu perkara.

REFLEKSI BAB 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN

TAMADUN: ISLAM DAN MELAYU

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang dapat saya pelajari dari bab ini ialah kita haruslah kuat dan bersabar setiap kali kita menghadapi rintangan dalam kehidupan. Selain itu, nilai-nilai murni yang saya pelajari dari bab ini ialah nilai kesabaran, nilai tolong-menolong, nilai amanah. Seterusnya, kualiti yang dapat saya pelajari dari bab ini ialah mempunyai kesabaran yang tinggi setiap kali kita menghadapi masalah dalam kehidupan. Tambahan pula, kemahiran yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah sikap bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu kewajipan dengan lamer tanpa menangguhnya.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama, isu seperti kita haruslah bermuafakat dan saling menolong antara satu sama lain tidak kira bangsa atau agama.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Jawapan: Cara bab ini membantu saya dalam menjadikan seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi ialah daripada subtopik nilai-nilai etika Peradaban Melayu, subtopik ini mengajar saya untuk memberi kesetiaan yang sepenuhnya kepada pemimpin dan subtopik ini mengajar saya untuk selalu berbudi pekerti dan Bahasa seperti menggunakan kata-kata yang lembut semasa bertutur dengan orang lain.


- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut intelektual serta psikologi?

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi yang diberi kepada saya oleh bab ini ialah saya pandai menahan diri daripada melakukan sesuatu keji atau tidak senonoh kerana saya sedar akan akibatnya.

**REFLEKSI BAB 4: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN
TAMADUN: CHINA, INDIA DAN BARAT**

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)





- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang saya pelajari dalam bab ini ialah kita haruslah menghormati orang tua kita kerana mereka yang membesarkan kita sejak kita bayi lagi. Kita juga mestilah tidak mementingkan diri sendiri dan selalu memberikan bantuan kepada orang yang dalam kesusahan. Seterusnya, nilai-nilai murni yang saya pelajari ialah nilai harga diri, nilai menghormati dan taat kepada anggota keluarga, nilai rasional dan nilai tanggungjawab terhadap keluarga. Selain itu, kualiti yang saya pelajari pula untuk mempunyai akal fikiran yang tinggi di mana kita pandai mengenalpasti perkara baik dan buruk. Bagi kemahiran pula, saya telah mempelajari kita harus mempunyai kebolehan membuat keputusan untuk berdasarkan logik dan juga kebolehan melakukan sesuatu sehingga layak mendapat kepercayaan daripada orang lain.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama di mana bab ini menekankan isu-isu etika seperti mempunyai peri kemanusiaan yang tinggi. Sebagai contoh, kita haruslah sanggup berkorban diri demi membantu orang yang dala kesusahan tanpa mengira bangsa dan negara.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Jawapan: Bab ini membantu saya menjadi seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat ialah melalui salah satu prinsip utama di dalam Etika India iaitu Dharma, prinsip ini telah menekankan konsep keharmonian semua makhluk di mana setiap pencapaian kerohanian melalui kehidupan yang sempurna, tidak melakukan kerosakan terhadap makhluk serta persekitaran kerana ia akan mempengaruhi kehidupan yang akan datang. Oleh itu, prinsip ini mengajar saya untuk tidak melakukan kerosakan terhadap makhluk lain kerana ini mempengaruhi orang lain.


- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi yang diberi kepada saya oleh bab ini ialah saya pandai membuat keputusan untuk bertindak dan mengambil kira akibat situasi yang bakal berlaku pada diri. Selain itu, kesan yang seterusnya ialah saya pandai membezakan antara perkara baik dan buruk.

REFLEKSI BAB 5: PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MELALUI ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)





- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah kita haruslah patuh akan ajaran agama kita masing-masing dan selalu mengamalkannya sejak kecil lagi. Seterusnya, nilai-nilai murni yang dapat saya pelajari ialah nilai keadilan, nilai kerajinan, nilai berbudi pekerti dan juga nilai kepercayaan kepada Tuhan. Selain itu, kualiti yang saya dapat dari bab ini ialah mempunyai sikap ingin belajar perkara baru yang tinggi. Sebagai contoh, selalu ingin mengejar ilmu pengetahuan. Bagi kemahiran pula, saya telah mempelajari bahawa kita haruslah mempunyai kebolehan untuk melakukan tanggungjawab yang dapat memberi impak yang baik terhadap diri dan juga masyarakat.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama ialah berdasarkan kawalan sosial oleh Ibn Khaldun, beliau menegaskan bahawa kita harus menerapkan nilai etika dalam diri kita untuk membina perpaduan masyarakat. Nilai etika ini mempunyai keupayaan membangunkan sesuatu peradaban. Antara nilai etika tersebut termasuklah penghormatan bersama.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Jawapan: Bab ini membantu saya menjadi seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat ialah bab ini menekankan kita untuk memberi kepatuhan dalam amalan dan ajaran agama masing-masing kerana kepatuhan ini dapat mengawal tingkah laku dan juga membolehkan saya atau kita untuk bertoleransi antara satu sama lain.


- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi yang diberi kepada saya oleh bab ini ialah mempunyai mentaliti yang positif seperti mentaliti menjadi seorang yang inovatif dan selalu ingin mencari pengetahuan yang baru.

REFLEKSI BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)





- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah kita haruslah berbangga menjadi warganegara Malaysia kerana Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum dan bangsa. Nilai-nilai murni yang dapat saya pelajari dari bab ini ialah nilai keadilan dan nilai bertanggungjawab. Seterusnya, kualiti yang saya dapat pelajari dalam bab ini ialah mempunyai sikap tidak mementingkan diri sendiri dan juga mempunyai sikap bekerjasama dengan individu yang berbilang kaum dan bangsa. Bagi kemahiran pula, saya telah mempelajari tentang kebijaksanaan dalam mencari jalan penyelesaian sesuatu masalah dengan pantas.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama ialah bab ini menekankan isu etika seperti mengamalkan perkongsian sesuatu perkara dengan individu yang berbilang kaum. Sebagai contoh, semasa Pilihan Persekutuan 1955, orang Melayu merupakan pengundi terbesar, namun mereka telah memberi 15 kerusi kepada persekutuan Cina dan 2 kerusi untuk persekutuan India.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Jawapan: Bab ini membantu saya menjadi seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat ialah melalui subtopik Kemerdekaan Merintis Kerjasama Antara Etnik, subtopik ini telah mengajar saya untuk mengamalkan perkongsian sesuatu dengan individu tanpa mengira kaum dan bangsa kerana amalan sebegitu akan mewujudkan sesebuah negara yang harmoni.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi yang diberi kepada saya oleh bab ini ialah saya mendapat kesedaran daripada Sejarah dan Kandungan Perlembagaan dimana sikap bertolak ansur dan bermuafakat tujuan untuk mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat dalam konteks negara berbilang kaum.

REFLEKSI BAB 7: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN BUDAYA DAN KOMUNIKASI KONTEMPORARI

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah kita haruslah menggunakan laman media sosial dengan beretika dan untuk perkara yang berfaedah. Selain itu, nilai-nilai murni seperti nilai bertanggungjawab, nilai kebebasan bersuara dan nilai rasional. Seterusnya, kualiti yang dapat saya pelajari ialah selalu bersifat materialistic untuk mencapai kejayaan. Bagi kemahiran pula, saya telah mempelajari tentang kemahiran berfikir secara rasional sebelum membuat sesuatu perkara dan juga sikap bertanggungjawab semasa ingin menyuarakan pendapat. Sebagai contoh, tidak menyentuh perkara yang sensitif.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama ialah bab ini menekankan isu etika seperti tidak menyentuh mana-mana isu yang sensitif sehingga mempengaruhi keamanan dan keharmonian negara dan juga menghormati budaya, adat resam dan cara hidup kaum lain. Sebagai contoh, tidak ketawa selepas menyaksikan cara sesebuah kaum meraikan perayaan mereka.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Jawapan: Bab ini membantu saya menjadi seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat ialah melalui subtopik Etika Dalam Amalan Kebebasan Bersuara, subtopik ini menekankan kita bahawa kita tidak boleh mengkritik atau menyentuh isu yang melibatkan agama dan sensitiviti kaum di laman sesawang.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi yang diberi kepada saya oleh bab ini ialah saya telah mempelajari bahawa kita haruslah berfikir berlandaskan logik dan juga harus mempunyai kefahaman tinggi tentang sesuatu berita sebelum mengkongsikannya di laman media sosial.

REFLEKSI BAB 8: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM MENDORONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah kita haruslah bersikap jujur terutamanya jika kita membuat melakukan perkara yang salah dan juga kita haruslah menjaga alam sekitar sebelum isu alam sekitar semakin meningkat. Nilai-nilai murni yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah nilai bekerjasama, nilai bertanggungjawab dan nilai keadilan. Kualiti yang dapat saya pelajari dari bab ini ialah mempunyai sifat kesukarelawanan dengan menolong orang yang mengalami kesusahan. Bagi kemahiran pula, saya telah mempelajari tentang sikap amanah dalam diri semasa melaksanakan kewajipan yang diagihkan dan juga sikap keadilan dalam diri. Sebagai contoh, sebagai seorang pekerja kita harus memberi perkhidmatan yang sama kepada semua tanpa mengira agama, warna kulit, jantina, fahaman politik dan status sosio-ekonomi.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama ialah melalui Tanggungjawab Sosial Terhadap Professional, subtopik ini mengajar saya dari segi pekerjaan, sebagai seorang pekerja yang bertanggungjawab, kita haruslah adil dan memberi perkhidmatan yang sama kepada pelanggan tanpa mengira kaum dan bangsa.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Jawapan: Bab ini membantu saya menjadi seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat ialah melalui subtopik Tanggungjawab Sosial Terhadap Manusia Lain, subtopik ini telah menekankan untuk mempunyai prinsip kebaikan yang membawa kebaikan kepada diri sendiri dan kebaikan kepada orang lain.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi yang diberi kepada saya oleh bab ini ialah saya telah mempelajari bahawa kita harus memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat dan negara dan saya juga mendapat kesedaran bahawa kita harus berterus terang jika melakukan kesalahan.

REFLEKSI BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Jawapan: Moral yang dapat saya pelajari dalam bab ini ialah kita haruslah menghayati kelima-lima prinsip rukun negara sebagai tulang belakang membina sebuah negara beretika dan berperadaban. Nilai-nilai murni yang dapat saya pelajari ialah nilai kebijaksanaan, nilai bertanggungjawab, nilai keadilan dan nilai amanah. Kualiti yang dapat saya pelajari ialah kita harus mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan juga mempunyai kesetiaan terhadap negara yang tinggi. Bagi kemahiran pula, saya telah mempelajari tentang keupayaan untuk memiliki mentaliti kelas pertama sebagai strategi pembangunan negara.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Jawapan: Cara bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama ialah Matlamat SDG yang ke-10 menjelaskan tentang mengurangkan ketidaksamaan dalam kalangan masyarakat. Melalui matlamat tersebut, saya telah mempelajari bahawa kita harus melayan semua orang sama rata tanpa mengira bangsa dan agama. Selain itu, bab ini juga mengalakkan kita untuk menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian kerana Rukun Negara merupakan kunci kepada perpaduan dan keharmonian antara kaum.

iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Jawapan: Bab ini membantu saya menjadi seorang warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat ialah melalui subtopik Strategi dan Langkah Keterlestarian Etika dan Peradaban, subtopik ini mengajar saya bahawa budaya ilmu, nilai-nilai moral, akhlak dan integrity harus dijunjung tinggi dalam kehidupan seharian.

v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Jawapan: Kesan dari sudut intelektual serta psikologi yang diberi kepada saya oleh bab ini ialah saya telah mempelajari bahawa memberi kesedaran bahawa kita harus memiliki minda kelas pertama sebagai satu langkah untuk membangunkan sebuah negara yang maju. Selain itu, bab ini juga memberi kesedaran bahawa kita harus membina pemikiran dan sikap yang betul terhadap etika dan peradaban dalam diri.

REFLEKSI KESELURUHAN: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Apakah perasaan anda setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban' ini? (Sebagai kesimpulan diakhir refleksi) ***(Sekurang-kurangnya 1 perenggan dan tidak melebihi 1 muka surat)***

Pertama sekali, saya rasa sangat bersyukur kerana diberi peluang untuk mempelajari subjek ini kerana tanggapan pertama saya untuk subjek ini ialah bab-bab yang akan dipelajari adalah sangat menarik. Oleh itu, setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban' ini, saya rasa sangat gembira dan teruja kerana subjek ini telah membawa banyak kesedaran kepada saya terutamanya tentang pentingnya amalan etika dan peradaban dalam kehidupan kita kerana amalan ini akan mempengaruhi semua aspek sosial, politik dan lain. Selain itu, subjek ini menekankan bahawa pengamalan nilai-nilai murni harus diterapkan dalam kehidupan seharian dan harus diamalkan sejak kecil lagi. Tambahan pula, subjek ini mengembalikan semula ingatan saya tentang sejarah Malaysia di mana saya telah melupakannya selepas habis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bukan sahaja itu, subjek ini telah mengajar saya tentang kualiti dan kemahiran yang akan membantu saya dalam dunia pekerjaan nanti.

Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Ana Haziqah A Rashid kerana beliau telah berusaha bersungguh-sungguh dalam mengajar kami tentang subjek ini. Beliau juga telah banyak mengadakan pelbagai aktiviti yang sangat menarik bagi setiap kelas subjek ini. Saya sangat berharap bahawa kita boleh berjumpa di kampus UTM nanti!